

Melayu tetap sokong kerajaan

18 NOV 1999

Oleh
NAZARUDIN SHAHARI

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed menolak dakwaan kononnya golongan kelas pertengahan Melayu terutamanya di Lembah Klang bersikap menentang kerajaan.

Beliau berkata, majoriti golongan itu tetap menyokong kerajaan dan hanya sebilangan kecil sahaja yang bersikap antikerajaan.

“Dakwaan bahawa golongan kelas pertengahan Melayu tidak menyokong kerajaan adalah tidak benar,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan lebih 300 profesional muda Melayu di sini hari ini.

Majlis tersebut adalah anjuran Persatuan Pelajar Lepas Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Malaysia (Ansara) dan Persatuan Lepas Pelatih Institut Kemahiran Mara (IKM) Malaysia (Perlikma).

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden Ansara, Mukhriz Mahathir.

Mustapa berkata, dalam pertemuan hari ini, kesemua yang hadir antaranya doktor, jurutera, perunding dan ahli perniagaan telah menyatakan sokongan terhadap kerajaan.

Beliau menjelaskan, pertemuan itu pada asalnya dirancang sempena Kongres Profesional Muda Melayu yang sepatutnya diadakan pada Sabtu dan Ahad ini.

Bagaimanapun, kata-

nya, berikutan penamaan calon untuk pilihan raya umum ke-10 pada Sabtu ini, kongres itu telah ditunda kepada 19 dan 20 Februari depan.

Tambahnya, walaupun ditangguhkan, jawatan-kuasa penganjur tetap komited untuk menjayakan kongres itu yang dianggap amat penting kepada masyarakat Melayu.

Sempena dialog yang diadakan pada majlis itu, Mustapa berkata, mereka yang hadir telah bertanya pelbagai soalan serta mengemukakan cadangan kepada kerajaan.

“Antaranya ialah cadangan mewujudkan satu saluran bagi membolehkan para profesional Melayu mengemukakan input untuk pertimbangan kerajaan dalam membuat dasar-dasar tertentu.

“Isu-isu mengenai beberapa kelemahan kerajaan turut dibangkitkan,” ujarnya.

Beliau menarik perhatian, kerajaan akan memberi pertimbangan serius terhadap pandangan-pand-

dangan itu dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Katanya, kerajaan juga mengalu-alukan penyertaan aktif golongan profesional Melayu dalam usaha memajukan negara ini.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Mustapa berkata, apa yang telah dilakukan oleh kerajaan selama ini dalam membantukan masyarakat Melayu tidak akan dapat diteruskan sekiranya kuasa

politik Melayu terhakis dalam pilihan raya ini.

“Oleh kerana itu, orang Melayu harus mengutamakan perpaduan bagi memastikan kuasa politik mereka tidak akan terjejas,” katanya.